# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 30 APRIL 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br><br>4.<br>5.<br><br>6. | CALL TO INTENSIFY BORDER CONTROL, NATIONAL, THE SUN -3<br>MAT SABU: TIGHTEN BORDERS TO CURB UNHEALTHY LIVESTOCK, NATIONAL, THE SUN -2<br>KAWAL SEMPADAN ELAK LEMBU, KAMBING DISELUDUP MASUK, NASIONAL, SH -9<br>KEKANG SELUDUP LEMBU, LOKAL, HM -17<br>KAWAL SEMPADAN KEKANG KEMASUKAN HARAM HAIWAN, NASIONAL, BH -15<br>PERKETAT SEMPADAN, KEKANG PENYELUDUPAN KAMBING, NEGARA, KOSMO -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 7. | LEMBU SADO JENIS LIMOUSIN, DALAM NEGERI, UM -33 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 8.<br>9.<br><br>10.<br>11. | BANGUNKAN TANAMAN PADI WANGI, PADI HUMA, LOKAL, HM -18<br>IMPORT BERAS THAILAND MANFAAT 7.2 JUTA AHLI, NEGARA, KOSMO - 5<br>UPM TUAI PADI RINTIS TAHAN KEMARAU, DALAM NEGERI, UM -24 & 25<br>HARGA BENIH PADI NAIK, PADI PUN KENA NAIK -PETANI, DALAM NEGERI, UM -32 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | THE SUN | NATIONAL | 3 |


# Call to intensify border control

**KLANG:** The Agriculture and Food Security Ministry has asked government departments and agencies related to border control to intensify enforcement at the country's entry points.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said this is to deal with the entry of goats and cattle with questionable health status, ahead of the Aidiladha celebration.

"If these livestock enter without legal process, it will effects our breeders," he said at the Agriculture Department 2024 Plant Subsector Development Symposium yesterday. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | THE STAR | NATION | 2 |

# Mat Sabu: Tighten borders to curb unhealthy livestock

**KLANG:** Government departments and agencies related to border control have been urged to intensify enforcement and control at the country's entry points to deal with the entry of cheap illegal livestock with a questionable health status, ahead of the Hari Raya Aidiladha celebration.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said intensified control and enforcement, particularly at the northern border and the east coast of the peninsula, could help the ministry's efforts to curb the illegal entry of livestock, which also has an impact on price competition for local breeders.

"This step is important to combat the smuggling of goats and cattle with questionable health status into the country.

"If these livestock enter without following the legal process, it will have effects on our breeders, especially in Kelantan, Terengganu, Kedah and Perak, and for that reason, we hope that enforcement at the border will be intensified," he said.

Mohamad said this to reporters after launching the Agriculture Department's 2024 Plant Subsector Development Symposium yesterday, Bernama reported.

Earlier, he launched a mobile development service facility, known as the plant clinic, at the three-day symposium that started on Sunday.

It provides facilities such as mini laboratories (water/soil analysis services, disease/pest diagnostics), reference materials, discussion rooms and exhibition facilities.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

Ternakan tersebut risiko berpenyakit, selain ganggu pasaran penternak tempatan

# Kawal sempadan elak lembu, kambing diseludup masuk

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

KLANG

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu meminta agar penguatkuasaan di sempadan negara dipertingkatkan bagi mengekang penyeludupan kambing dan lembu murah.

Mohamad berkata, kemasukan bahan mentah yang tidak melalui proses undang-undang akan menyebabkan penternak berdepan masalah terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak.

Ujarnya, ini kerana kambing yang diseludup masuk boleh dijual sekitar RM280 hingga RM300, jauh lebih rendah berbanding haiwan tempatan.

"Penternak kita sekurang-kurangnya perlu menjual sekitar RM600 seekor berdasarkan harga makanan dan semua proses penghasilan lembu dan kambing. Kalau di Kuala Lumpur dan Lembah Klang mungkin lebih RM1,000.

"Ia perlu dikawal sebaik mungkin oleh jabatan berkenaan supaya penternak tidak berasa kecewa apabila usaha mereka tiada pulangan berbaloi, kos menternak sebenarnya sangat tinggi," ujarnya selepas merasmikan Majlis Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengenai persiapan kerajaan menjelang Hari Raya Aidiladha.

Tambah beliau, selain prihatin dengan penternak tempatan, kerajaan juga bimbang sekiranya lembu dan kambing yang masuk secara haram di negara ini akan membawa penyakit.

"Daging dan sebagainya dari luar negara mesti mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) supaya benda berpenyakit tidak dimakan rakyat Malaysia," jelas beliau.



FOTO: BERNAMA

Mohamad (tengah) melancarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut Sedia Ada pada majlis Perasmian Simposium Pengembangan Jabatan Pertanian Tahun 2024 pada Isnin.

Sementara itu, Mohamad memberitahu, Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 yang diadakan selama tiga hari secara hibrid itu berjaya mengumpul hampir 1,000 peserta.

"Mereka terdiri daripada pemain industri di dalam subsektor tanaman makanan dan pengembangan daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.

"Program sebegini sangat baik untuk mengangkat dan memacu transformasi positif sektor agromakanan ke arah pembudayaan inovatif serta sistem pengembangan pertanian dalam subsektor tanaman makanan," katanya.

Dalam majlis tersebut, Mohamad turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak yang dikenali sebagai Klinik Doktor Pokok.

"Perkhidmatan bergerak ini menyediakan kemudahan seperti makmal mini, bahan rujukan, ruangan perbincangan dan kemudahan pameran.

"Mereka dibekalkan dengan teknologi moden untuk mengesan penyakit dengan segera selain memberi nasihat kepada pekebun bagi menyelesaikan masalah melibatkan pokok sakit.

"Setakat ini ia dilancarkan di empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Bagaimanapun akan dikembangkan ke seluruh negara," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Kekang seludup lembu

**Klang:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mahu sempadan negara dipertingkatkan penguatkuasaan bagi mengekang penyeludupan masuk kambing dan lembu terutamanya menjelang Hari Raya Aidiladha.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata haiwan ternakan yang dibawa masuk tanpa melalui proses undang-undang bukan sahaja menjejaskan penternak tempatan malah dikhuatiri membawa penyakit.

"Untuk persiapan Aidiladha ini, kita harapkan penguatkuasaan di sempadan dipertingkatkan. Haiwan ternakan seperti kambing yang diseludup masuk ada yang dijual pada harga RM280 hingga RM300 seekor.

"Penternak tempatan pula perlu menjual sekurang-kurang RM600 seekor kerana perlu mengambil kira kos makanan dan penjagaan ternakan. Jika di Lembah Klang, harganya boleh mencecah RM1,000 seekor.

"Kemasukan haiwan ternakan secara haram ini sekaligus akan menjejaskan penternak tempatan terutamanya di Kelantan; Terengganu; Kedah dan Perak. Sudah pasti kita perlu utamakan penternak tempatan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

KEDA PULIH, NAIK TARAF 400 HEKTAR TANAH TERBIAR

# Bangunkan tanaman padi wangi, padi huma

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) akan membangunkan tanaman padi wangi dan padi huma di beberapa kawasan pertanian dalam wilayahnya pada tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kawasan itu membabitkan tanah terbiar di daerah Baling, Padang Terap dan Sik.

Katanya, ia seiring dengan usaha KEDA memulihkan dan menaik taraf 400 hektar tanah pada tahun ini menerusi peruntukan kerajaan sebanyak RM1.25 juta.

"Projek tanaman rintis pembangunan padi wangi seluas 34.57 hektar dicadangkan di Kampung Weng Dalam, Baling yang dijangka bermula pada September atau Oktober tahun ini dan KEDA sedang mengenalpasti pihak-pihak tertentu untuk membimbing peserta.

"KEDA juga berhasrat mempergiat penanaman padi bukit (padi huma) juga di kawasan operasinya. Kini, KEDA mencari peserta yang berminat serta kawasan bersesuaian untuk dibangunkan.

"KEDA juga sedang mencari rakan strategik yang berpengalaman bagi mempermudah proses pelaksanaan projek ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri KEDA di ibu pejabatnya di sini.

Turut hadir Pengurus Besar KEDA, Ismasuhaimi Shariff.

Jamil Khir berkata usaha membangunkan tanaman padi wangi dan padi huma itu adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan petani memandangkan harga padi beras wangi adalah tinggi berbanding padi beras putih tempatan.

> "KEDA mencari rakan strategik berpengalaman mempermudah proses pelaksanaan projek
> Jamil Khir

Selain itu, katanya KEDA juga ingin membantu kerajaan dalam menangani isu pengeluaran beras di negeri ini.

"KEDA mengambil tanggungjawab membantu membangunkan kawasan tanah terbiar di luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Jadi, kita cadang untuk laksanakan di tiga daerah iaitu Baling, Sik dan Padang Terap yang tidak termasuk dalam kawasan MADA.

"Usaha ini juga mungkin membolehkan kita menambah jenis variati beras di pasaran nanti..harap-harap nanti produk jenama kita ini akan berjaya dan beras wangi KEDA akan menjadi sinonim dengan rakyat di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 1,587 hektar sawah dan tanah terbiar di Kedah telah dipulihkan dan dinaik taraf sejak 2009 sehingga sekarang membabitkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM8.5 juta.

Katanya, projek menaik taraf infrastruktur sawah itu membabitkan sistem saliran, jalan pertanian, pam air dan lain-lain kemudahan asas bagi mengaktifkan aktiviti penanaman padi.

"Kita juga membekalkan input pertanian, kursus dan latihan melalui kolaborasi dengan agensi lain. Objektif kita adalah untuk memastikan pesawah berupaya mengeluarkan beras yang selamat dimakan dan berkualiti serta mempunyai harga yang tinggi.

"Dalam masa yang sama, kita juga membantu membangunkan kawasan tanaman padi sebagai jaminan bekalan makanan negara," katanya.

Sementara itu, Jamil Khir berkata KEDA menyambut baik saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga merupakan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah agar setiap anak syarikat di bawah kementerian itu memainkan peranan dalam menjana keuntungan.

Katanya, terdapat beberapa langkah yang diambil oleh KEDA Holdings untuk terus memperkasa operasi anak syarikat.

"Antaranya penambahan mesin pemprosesan produk air mineral semulajadi jenama Al Wadi serta penambahan jenama kedua air mineral semulajadi (The Cove).

"KEDA juga menambah baik perniagaan baharu seperti katering dan penjualan rumah sub-sale.

"Selain itu kita juga melakukan penambahan kaedah pemasaran berkesan mengikut perkembangan semasa bagi seluruh anak syarikat pengurusan resort dan hotel milik KEDA mengikut sistem selaras perkembangan semasa," katanya.




JAMIL Khir (dua dari kanan) menerima mok cek dividen daripada wakil anak syarikat KEDA, KEDA Holding Sdn.Bhd (KHSB) sebanyak RM100,000.



JAMIL Khir melayan tetamu yang hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri KEDA.



SEBANYAK 1,587 hektar sawah dan tanah terbiar di Kedah sudah dipulihkan dan dinaik taraf sejak 2009 sehingga sekarang membabitkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM8.5 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Kawal sempadan kekang kemasukan haram haiwan

## KPKM gesa pertingkat penguatkuasaan menjelang Aidiladha

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my



*Mohamad (tengah) pada Majlis Pelancaran Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di Klang, semalam.* (Foto Faiz Anuar/BH)

**Klang:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggesa penguatkuasaan di sempadan negara dipertingkat bagi mengekang risiko kemasukan haram haiwan seperti kambing dan lembu, terutama menjelang Aidiladha.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata selain menjejaskan penternak tempatan, kemasukan ternakan itu tanpa melalui proses ditetapkan undang-undang dikhuatiri membawa penyakit.

"Ternakan seperti kambing yang diseludup masuk ada dijual RM280 hingga RM300 seekor, sedangkan penternak tempatan perlu jual sekurang-kurangnya RM600 seekor kerana perlu mengambil kira kos makanan dan penjagaan ternakan. Jika di Lembah Klang harganya boleh mencecah RM1,000 seekor.

"Jadi, kemasukan ternakan secara haram ini akan menjejaskan penternak tempatan terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak. Sudah pasti kita perlu utamakan penternak tempatan.

"Kita juga bimbang, ternakan yang masuk ini membawa penyakit kerana tidak melalui proses pemeriksaan dan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024, di sini semalam.

### Lancar Klinik Doktor Pokok

Pada majlis itu beliau turut melancarkan kemudahan khidmat pengembangan bergerak dikenali Klinik Doktor Pokok yang menyediakan kemudahan seperti makmal mini untuk khidmat analisis air dan tanah, diagnostik penyakit dan perosak, selain bahan rujukan, ruangan perbincangan serta kemudahan pameran.

Mohamad berkata, setakat ini perkhidmatan berkenaan disediakan di empat negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka serta Johor dan akan dikembangkan ke setiap negeri.

"Untuk yang menghadapi masalah tanaman seperti kerosakan atau terkena penyakit boleh menghubungi doktor pokok.

"Mereka dibekalkan alat moden mengesan penyakit dengan segera dan menasihatkan pekebun dengan penyelesaian segera mengikut ilmu yang dibekalkan kepada mereka," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | KOSMO | NEGARA | 5 |

# Perketat sempadan, kekang penyeludupan kambing



MOHAMAD ketika melawat pameran sempena Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman di Klang semalam.

KLANG – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mahu kawalan sempadan diperketatkan bagi mengekang kes-kes penyeludupan kambing dan lembu terutamanya menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha, tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kegiatan penyeludupan secara berleluasa itu bukan sahaja menjejaskan penternak tempatan terutamanya dari segi harga jualan, malah dikhuatiri kemasukan haiwan berkenaan membawa penyakit.

"Bagi persiapan Aidiladha, kita harap kawalan sempadan dipertingkatkan, bimbang ia akan meningkat. Kambing seludup harganya murah RM280 hingga RM300 sedangkan penternak kita perlu menjual dengan harga RM600.

> "Bagi persiapan Aidiladha, kita harap kawalan sempadan dipertingkatkan, bimbang ia akan meningkat. Kambing seludup harganya murah RM280 hingga RM300 sedangkan penternak kita perlu menjual dengan harga RM600."

"Di Kuala Lumpur dan Lembah Klang harganya mampu mencecah lebih RM1,000. Jadi, harga kambing seludup yang dijual murah pastinya memberikan kesan kepada penternak tempatan," katanya.

Terdahulu beliau merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Jabatan Pertanian Tahun 2024 di KSL Esplanade Hotel Klang di sini semalam.

Tambah Mohamad, penyeludupan haiwan ternakan sekali gus menjejaskan penternak tempatan terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak.

"Kita juga bimbang ternakan yang dibawa masuk ini membawa penyakit kerana tidak melalui proses pemeriksaan dan kelulusan daripada Jabatan Veterinar," ujarnya.




ABDUL FATTAH (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Pengerusi Koperasi Wawasan Malaysia Berhad, Datuk Che Mohd. Shukree Che Isa di Kota Bharu semalam.

# Import beras Thailand manfaat 7.2 juta ahli

KOTA BHARU – Kelulusan permit mengimport beras dari Thailand dijangka memberi manfaat kepada 7.2 juta ahli koperasi sekali gus meningkatkan kadar perolehan dalam sektor tersebut.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah tersebut merupakan salah satu usaha digerakkan Angkasa dalam membantu ahli koperasi mendapatkan bekalan makanan asas dengan mudah.

Menurutnya, ketika ini, pihaknya sedang menunggu keputusan kerajaan berkait kelulusan permit mengimport beras tersebut.

"Angkasa telah memanjangkan hasrat tersebut kepada Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick selepas mengadakan perbincangan dengan pihak koperasi baru-baru ini.

"Saya berharap menteri dapat membincangkan perkara tersebut dengan Menteri Koperasi Thailand pada persidangan Asia Pasifik yang sedang berlangsung di Jordan ketika ini," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) Kelantan di sini semalam.

Menurutnya, Angkasa turut mengemukakan cadangan supaya pihak koperasi di Thailand mengimport kelapa sawit dari negara ini.

"Kita boleh membuat sistem barter. Kita ambil beras mereka dan mereka ambil minyak kelapa sawit dari sini," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Fatah berkata, setakat ini, lima koperasi di Kemboja dan tiga di Filipina telah mengikuti model koperasi kariah masjid dan sekolah diperkenalkan pihaknya.

Menurutnya, selepas ini sekolah-sekolah di Thailand, Timor Leste dan Kenya pula akan mengadaptasi model tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/4/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Lembu sado jenis Limousin

**SAMBUTAN Hari Veterinar Sedunia (HVS) 2024 di Laman Ternakan (MAEPS), Serdang bermula 25 hingga 28 April berakhir meriah.**

**Antara aktiviti menarik disediakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sempena program HVS 2024 ialah pameran dan pertandingan kucing, Meow Fiesta dan Kebuniti Ternakan yang melibatkan pameran unggas (ayam katik, serama, ayam kampung dan lain-lain).**

**Sambutan secara besar-besaran itu adalah bagi menghargai sumbangan veterinarwan-veterinarwan dalam memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan terpelihara sekali gus memastikan kesejahteraan serta keharmonian antara manusia dan haiwan dicapai.**

**■ SEEKOR Lembu Sado jenis 'Limousin' dipamerkan kepada orang awam yang berkunjung bersempena dengan program Hari Veterinar 2024 di Ladang Ternakan, MAEPS, Serdang baru-baru ini. - UTUSAN/AMIR KHALID**



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 24 |

# UPM tuai padi rintis tahan kem

SEKUMPULAN penyelidik Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) dan Fakulti Pertanian (FP) Universiti Putra Malaysia (UPM) menuai padi varieti baharu rintang kemarau dan berkualiti tinggi, dinamakan benih *Climate Ready* (CR) berskala besar di bendang Kampung Muring, Kelantan baru-baru ini.

Penyelidiknya, Dr. Zulkarami Berahim berkata projek kajian tersebut merupakan projek rintis pertama benih CR dituai dengan skala besar iaitu enam hektar dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kemubu (KADA).

"Pembangunan tanaman padi iklim tersedia untuk jaminan makanan di Malaysia (*Development of Climate Ready Rice for sustaining Rice Food Security*) itu memberi tumpuan menangani isu perubahan iklim bagi tanaman padi.

"Kajian asas bagi menghasilkan varieti ini bermula sejak 2013, diketuai Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail melalui siri penyelidikan asas yang dijalankan di UPM dan juga makmal Lancaster Environment Centre di Universiti Lancaster England," katanya.

Benih padi itu sangat tahan lasak, kering dan mampu hidup dalam cuaca panas melampau seperti kini.



**MUHAMMAD Husin (dalam jentera penuai padi) bersama pesawah di bendang Kampung Muring, Kota Bharu, Kelantan.**

"Jika kita lihat tali air kering dan tiada air takungan untuk disalurkan ke kawasan padi namun padi ditanam tetap hidup dan subur," katanya.

Penyelidikan berkenaan dibiayai sepenuhnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui program Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang untuk jaminan makanan di Malaysia yang memberi tumpuan menangani isu perubahan iklim bagi



**ZULKARAMI Berahim menunjukkan saw yang kering akibat kemarau.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/4/2024 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA PENDIDIKAN | 25 |

# arau

"Projek kajian tersebut merupakan projek rintis pertama benih CR yang dituai dengan skala besar iaitu seluas enam hektar dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)."

ZULKARAMI BERAHIM

tanaman padi.

Ketua projek, Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail berkata, varieti benih berkenaan dijangka sedia dipasarkan kepada petani pada tahun depan kerana perlu melalui prosedur untuk mendapatkan pengesahan varieti di bawah skim subsidi benih padi sah oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi pengesahan varieti padi baharu.

"Varieti baharu padi ini masih diperingkat kajian penentusahaan setempat atau *Local Verification Trial* (LVT) di tujuh jelapang padi utama Semenanjung Malaysia termasuk di kawasan luar jelapang dibawah pengurusan Jabatan Pertanian Malaysia.

"Kajian penentuusahaan setempat dilakukan untuk mendapat pengesahan dari pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bahawa varieti padi kita ini setanding dengan varieti sedia ada," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Muhammad Husin berkata, kerjasama antara pihak UPM dan pesawah di Kelantan memberi nafas baharu kepada para pesawah untuk mengusahakan tanaman padi seterusnya menyokong agenda keterjaminan makanan.

"Saya bersyukur dan seronok melihat kepada padi yang kuning penuh dan hidup dalam keadaan subur walaupun tali air kering hasil penanaman padi varieti CR ini.

"Saya yakin hasil untuk benih padi tahan kemarau ini dapat membantu petani hadapi kemarau. Terima kasih kepada pihak UPM yang diketuai Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail dan pasukan penyelidik iaitu Dr. Zulkarami Berahim dan Dr. Asma'a Awang yang telah berikan komitmen berterusan dalam usaha menghasilkan varieti tahan kemarau ini.

ah



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/4/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



KENAIKAN harga benih padi bakal memberi kesan kepada pesawah yang hendak menanam semula. – UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

# Harga benih naik, padi pun kena naik – Petani

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Petani mendakwa kenaikan harga benih padi RM9 hingga RM13 bagi varieti CL220 tidak seimbang berbanding harga lantai belian padi yang hanya RM1,300 per tan metrik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Petani yang mengusahakan sawah di kawasan MADA, Che Ani Mat Zain berkata, para pesawah masih menanggung kos input padi yang tinggi ketika ini.

Menurut beliau, kerajaan sewajarnya menetapkan harga lantai belian padi melepasi sekurang-kurangnya RM1,500 per tan metrik agar dapat diseimbangkan dengan kos input seperti benih, racun dan sewa jentera.

"Memang trend pembelian padi oleh kilang kini ada yang mencecah sehingga RM1,800 atau RM1,850 tan metrik tetapi itu bukan harga lantai yang menyebabkan bila-bila masa sahaja ia boleh turun ke paras terendah.

"Sedangkan pesawah telah mengeluarkan modal yang besar untuk membeli benih padi pada harga RM58 bagi kampit 20 kilogram (kg), itu belum termasuk kos-kos lain yang turut meningkat," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, petani seharusnya memahami bahawa kenaikan antara RM9 hingga RM13 harga runcit benih padi tidak dapat dielak apabila berlaku kenaikan harga belian padi yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

Kenaikan RM100 harga lantai belian padi daripada RM1,200 per tan metrik diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan pada 13 Oktober tahun lalu ketika pembentangan Belanjawan 2024.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, kenaikan harga belian padi kepada RM1,500 per tan metrik dianggap jumlah yang munasabah buat masa ini bagi memastikan kelestarian pesawah dalam menyediakan makanan ruji negara itu.

"Kami sebenarnya tidak mempertikai kenaikan benih padi itu kerana berpandangan ia sebahagian daripada usaha membantu pesawah meraih pendapatan lebih baik melalui jualan beras kelak," katanya.